

Oleh Mohd Rafi Mamat
rencana@media-
prima.com.my

Seramai 120 anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pelajar Kolej Universiti Sunway menyertai program menanam 1,500 pokok balak di kawasan Hutan Simpan Bukit Tinggi, Chamang, Bentong, Pahang baru-baru ini.

Program anjuran Pejabat Pembangunan Hutan (PPH) Zon Pahang Barat dengan kerjasama Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam (PEKA) itu memberi peluang kepada peserta menanam pokok spesies meranti, kapur dan keladan.

Pegawai PPH Zon Pahang Barat, Nurul Hidayah Hadzuha berkata, program julung kali itu antara usaha memupuk semangat cintakan tumbuhan terutama pokok balak yang menjadi khazanah negara.

Menurutnya, kesedaran terhadap pentingnya pokok perlu ada dalam diri generasi muda, justeru mereka perlu berganding bahu menghidupkan kawasan hutan di negara ini.

“Penyertaan kira-kira 30 pelajar asing dari Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand yang belajar Kolej Universiti Sunway membuktikan mereka turut sayangkan alam sekitar.

“Semua pelajar terpaksa menaiki lori sejauh kira-kira empat kilometer ke kawasan hutan selain berjalan kaki dan mendaki bukit untuk menanam pokok di setiap lubang,” katanya.

Pihaknya mengalu-alukan institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengadakan program menanam pokok sebagai tanggungjawab sosial korporat kepada pemuliharaan hutan.

Siswa UPM, Siti Aminah Syaيد, 23, berkata, ini kali pertama dia menyertai program menanam pokok balak.

Menurutnya, penat mendaki bukit hilang apabila berpeluang



Pulihara hutan

120 anggota SUKSIS, pelajar Kolej Universiti Sunway tanam 1,500 pokok balak di Hutan Simpan Bukit Tinggi



PERJALANAN ke destinasi penanaman pokok terpaksa mendaki bukit dan penuh cabaran



BERKUMPUL dengan penuh rasa teruja sebelum memulakan aktiviti.

menanam pokok balak meranti yang dikatakan mampu hidup subur di kawasan Hutan Simpan Bukit Tinggi, Chamang.

“Saya berharap pokok balak ditanam akan hidup subur dan membesar seterusnya menjadi khazanah hutan negeri ini.

“Program seperti ini perlu terus diadakan bagi memupuk rasa sayang dan cintakan alam sekitar dalam kalangan generasi muda.

“Pembabitn pelajar asing pada program ini membuktikan kerajaan

sentiasa menjaga dan memulihara hutan,” katanya.

Rakannya, Amir Syazwan Manaf, 20, berkata kerjasama semua pihak penting bagi menghidupkan kawasan hutan di negara ini.

“Penat mengikuti program ini seolah-olah tidak terasa apabila berpeluang menanam pokok meranti.

“Saya berharap 15 pokok meranti yang ditanam ini menjadi tanda sokongan saya dan pelajar UPM terhadap usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menanam 26 juta pokok,” katanya.



SISWA UPM mencuba menanam pokok sambil diajar kakitangan Jabatan Perhutanan.